

Promosi Lazada 9.9 Sale dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 8 September 2024 – 11 September 2024

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di bawah serta mana-mana Terma dan Syarat (jika ada) yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“Kumpulan AmBank” bermaksud semua syarikat dan syarikat bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“Bank” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“Promosi” bermaksud **“Promosi Lazada 9.9 Sale dengan Kad Debit AmBank”** yang dianjurkan oleh Bank dan Lazada selaras dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam ini.

“Tempoh Promosi” akan bermula pada 8 September (20:00 GMT+8) dan berakhir pada 11 September 2024 (23:59 GMT+8). Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi dengan Notis Terdahulu.

“Kad Debit” merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.

“Notis Terdahulu” merujuk kepada notis oleh Bank berkenaan fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalender.

“Pengguna Lazada” bermaksud pengguna yang mempunyai akaun dengan Lazada.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang merujuk kepada kata satu hendaklah juga merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.
- 1.3 **“Perbadanan Bersekutu”** mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana berkenaan. **“Syarikat Yang Berkaitan”** pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

Promosi Lazada 9.9 Sale dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 8 September 2024 – 11 September 2024

2 Kelayakan

- 2.1 Promosi ini dibuka kepada semua pemegang Kad Debit baharu dan sedia ada di Bank (termasuk kakitangan Kumpulan AmBank) yang juga Pengguna Lazada (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").
- 2.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Promosi ini.

3 Mekanisma Promosi

- 3.1 Mekanisma Promosi adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Pelanggan yang Layak yang melakukan satu transaksi RM150 atau lebih melalui Aplikasi Lazada dengan Kad Debit AmBank akan layak menerima Baucar (seperti yang ditakrifkan selepas ini).

| Tempoh Promosi | Promosi Terma dan Syarat |
|---|--|
| 8 September 2024 – 11 September 2024 | <p>Diskaun Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua (RM22) ("Baucar")</p> <ul style="list-style-type: none"> • Baucar ini sah dengan pembayaran menggunakan Kad Debit AmBank. • Baucar ini sah dari 8:00 PM pada 8 Sep 2024 hingga 11 Sep 2024, 11:59 PM (waktu Malaysia, GMT +8). • Diskaun RM 22 dengan pembayaran minimum RM 150 pada jumlah harga bersih pembelian Pelanggan yang Layak dalam satu transaksi (tidak termasuk caj penghantaran/kuri) yang dibuat menggunakan Aplikasi Lazada. • Baucar ini hanya sah untuk pembelian melalui Aplikasi Lazada. • Baucar akan dikeluarkan berdasarkan siapa cepat dia dapat. Ia hanya terhad kepada tujuh ratus sembilan puluh tujuh (797) penebusan sahaja. • Baucar hanya untuk satu (1) kali penebusan bagi setiap Pengguna Lazada dan akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Lazada (termasuk pengecualian produk yang berkenaan). • Baucar ini hanya sah untuk satu kali penggunaan dan boleh digabungkan dengan Baucar Free Shipping, LazSubsidy/ Flashsale, Baucar Stor, Aset (LazCoins, LazCash) dan Instant-Off sahaja. • Baucar yang dikumpulkan akan diterapkan secara automatik pada halaman pembayaran semasa daftar keluar (setelah memasukkan Kad Debit). • Tiada alternatif tunai atau pemulangan wang akan diberikan sebagai ganti Baucar ini. • Lazada berhak untuk membatalkan pesanan yang mencurigakan tanpa notis awal. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyalahgunaan baucar, termasuk baucar yang ditebus menggunakan pelbagai akaun atau beberapa transaksi pembayaran yang dikaitkan dengan pelanggan yang sama atau kumpulan pelanggan; dan baucar yang digunakan dengan niat buruk (baucar yang dijual semula, dan baucar yang digunakan oleh pelanggan untuk membeli produk untuk dijual semula). |

Promosi Lazada 9.9 Sale dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 8 September 2024 – 11 September 2024

4 Umum

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, dan terma dan syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan Terma dan Syarat Kad Debit MasterCard AmBank. Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Promosi atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 4.2 Tawaran Promosi ini adalah tidak sah dengan mana-mana promosi/ lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.3 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.4 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan wajar, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 4.5 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman sesawang rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 4.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi ini sekiranya pada pendapat Bank:
- Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Promosi; atau
 - Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 4.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan periklanan lain untuk Promosi ini.
- 4.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan pelanggan yang layak dan penyertaan di dalam Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian
- 4.9 Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami, seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau sebarang kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, hukuman atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Promosi, simpan dan berkecualian di mana kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaian, kemungkinan sengaja atau penipuan Bank.

Promosi Lazada 9.9 Sale dengan Kad Debit AmBank
Tempoh Promosi: 8 September 2024 – 11 September 2024

- 4.10 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa “Force Majeure” merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, rebut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industry, rusuhan, perperangan, yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau peristiwa, keadaan lain atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai “Force Majeure” oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.11 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Promosi ini pada bila-bila masa bagi sebarang kesalahan, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 4.12 Semua persoalan mengenai pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini harus diatur, ditafsirkan dan dikuatkuasakan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul dari atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 4.13 Versi Bahasa Inggeris terma dan syarat ini juga terdapat di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions.
- 4.14 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Promosi, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank yang beroperasi setiap hari di talian 03-2178 8888 dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.